

# eTiQa

Ahli Kumpulan

Maybank

# TAKAFUL WARGA PENDIDIK NUTP



Simpanan **RM3.30** sehari  
Guru dilindungi sebanyak

**RM200,000**

Untuk kematian/keilangan  
kekal akibat kemalangan

## FASA II KINI TELAH DILANCARKAN

BERITA BAIK UNTUK AHLI-AHLI NUTP YANG KURANG SIHAT / MENGIDAP SEBARANG PENYAKIT – SYARIKAT ETIQA BERSETUJU MENINGKATKAN PERLINDUNGAN DARI RM30,000 (RM30.00 SEBULAN) KEPADA RM50,000 (RM50.00 SEBULAN) BERKUAT-KUASA DENGAN PELANCARAN FASA II SKIM TAKAFUL WARGA PENDIDIK NUTP INI. REBUTLAH SEGERA PELUANG KEEMASAN INI.

**Manfaat Utama**

**SIMPANAN 43%**

**43% daripada**  
sumbangan bulanan  
dikreditkan ke dalam  
akaun simpanan guru

## SUMBANGAN TERMURAH = SIMPANAN TERTINGGI

### FASA II - TEMPOH PROMOSI Pemeriksaan Perubatan TIDAK Diperlukan

#### Pelan Takaful Warga Pendidik NUTP - Nilam Barakah

Dalam usaha menyebarkan amalan Takaful di kalangan masyarakat di Malaysia, **Etika Takaful Berhad** telah memperkenalkan **Pelan Takaful Mutiara Plus - Nilam Barakah**, iaitu perlindungan menurut **hukum-hukum syarak** yang telah disemak dan diluluskan oleh **Majlis Pengawasan Syariah** dan boleh disertai oleh semua bangsa. Pelan ini direka khusus untuk penyertaan **ahli-ahli NUTP** dan seisi keluarga mereka.

Daripada sumbangan bulanan peserta (ahli NUTP), **43%** akan dikreditkan ke dalam **tabung pelaburan** sebagai simpanan untuk hari tua (**Akaun Peserta - AP**) manakala **57%** akan dikreditkan ke dalam **tabung khairat** (Akaun Khas Peserta - AKP) sebagai 'Tabarru' bagi tujuan perpaduan, keikhwanan dan kerjasama bagi membantu rakan-rakan peserta yang ditimpa malapetaka.

Etika Takaful Berhad sebagai pengendali tabung-tabung tersebut akan melaburkan sumbangan-sumbangan yang terkumpul dan hasil keuntungan pelaburan tersebut akan dikongsi secara **Mudharabah**. Nisbah perkongsian untung dari tabung pelaburan ialah **80% kepada ahli** dan **20% kepada Syarikat**.

Apabila peserta berhenti dari menyumbang, berhenti kerja, bersara awal dan sebagainya, maka adalah wajib semua jumlah sumbangan bersama keuntungan Mudharabah dari tabung pelaburan akan dikembalikan. Sumbangan maksima yang dibenarkan adalah sebanyak **RM100** akan memberi manfaat penyakit kritikal maksimum sehingga **RM50,000**.

**Takaful Warga Pendidik** merupakan skim yang terbaik untuk pendidikan anak-anak kita di masa hadapan disebabkan oleh kadar simpanannya yang tinggi sebanyak **43%** dan pengeluaran simpanan dibenarkan tanpa faedah. Penambahan premium adalah digalakkan untuk ahli-ahli NUTP yang telah menyertai Skim Takaful Warga Pendidik NUTP sebelum pelancaran FASA II ini.

**CIRI-CIRI UTAMA** Pelan ini dilancarkan oleh **NUTP** dengan kerjasama **ETIQA TAKAFUL BERHAD** untuk semua ahli NUTP. Skim ini adalah yang terbaik, murah dan mudah untuk disertai.

#### Pembayaran Sumbangan yang Mudah

Sumbangan bulanan ditolak daripada gaji bulanan. Ini menjamin perlindungan yang berterusan tanpa sebarang gangguan dan ia menjimatkan masa. Pembayaran sumbangan oleh para peserta boleh dilakukan melalui Biro Angkasa (BPA).

#### Simpanan atau Dana

Simpanan adalah jumlah wang dalam Akaun Peserta dengan keuntungan, jika ada, yang dikreditkan di akhir tahun kewangan.

#### Pengecualian Cukai Pendapatan

Ahli-ahli NUTP boleh mendapatkan pengecualian cukai pendapatan yang biasa bagi sumbangan yang dibayar. Penyata akan diberikan.

#### Perlindungan 24 jam di Seluruh Dunia

Takaful Warga Pendidik NUTP akan melindungi peserta 24 jam di seluruh dunia.

#### Tuntutan Dijamin

Segala tuntutan adalah dijamin.

#### Contoh Tuntutan Penyakit Kritikal:

Seseorang guru yang diserang penyakit jantung dan dimasukkan ke wad selama 10 hari akan menerima pampasan-pampasan seperti berikut:

1. Serangan Jantung	RM50,000.00
2. Manfaat Hospital Harian	RM 900.00
3. Tabung Simpanan	43% + keuntungan Mudharabah
4. Perlindungan masih berkuatkuasa	
* mengikut terma & syarat polisi induk	

Pengiraan di atas adalah berbanding kepada caruman RM60.00 sebulan

#### PERINGATAN : KEAHLIAN ADALAH KEKUATAN NUTP :

Ahli-ahli NUTP dinasihatkan hanya menyertai skim-skim yang dikelola oleh NUTP dan pihak NUTP tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang masalah mengenai tuntutan atau pampasan yang berpunca dari skim-skim yang di luar kawalan NUTP.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: Bahagian Pentadbiran & Perkhidmatan : IKHLAS JAYA, 35A, Jalan Teras Jernang 27/8, 40000 Shah Alam, Selangor.  
Tel: 03-5191 7360 Fax: 03-51924866 [www.takafulwp-nutp.com.my](http://www.takafulwp-nutp.com.my)



## JENIS MANFAAT SERTA SUMBANGAN (RM)

Bil. Unit	Berpenyakit masih boleh sertai			Perlindungan masih berkuatkuasa – mengikut terma & syarat polisi induk				
	3	4	5	6	7	8	9	10
Caruman Bulanan	30	40	50	60	70	80	90	100
Kematian Biasa	30,000	40,000	50,000	60,000	70,000	80,000	90,000	100,000
Kematian Kemalangan	60,000	80,000	100,000	120,000	140,000	160,000	180,000	200,000
Keilatan Kekal Penuh Biasa	30,000	40,000	50,000	60,000	70,000	80,000	90,000	100,000
Keilatan Kekal Penuh Kemalangan	60,000	80,000	100,000	120,000	140,000	160,000	180,000	200,000
Keilatan Kekal Separa (Semua Akibat)	30,000	40,000	50,000	60,000	70,000	80,000	90,000	100,000
Penyakit Kritikal	30,000	40,000	50,000	50,000	50,000	50,000	50,000	50,000
Manfaat Hospital Harian	45	60	75	90	105	120	135	150
Khairat Kematian Peserta	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000

## 36 JENIS PENYAKIT KRITIKAL YANG DILINDUNGI OLEH SKIM TAKAFUL WARGA PENDIDIK

❖ Serangan Jantung	❖ Distrofi Otot	❖ Hilang Pendengaran	❖ Penyakit Alzheimer
❖ Strok	❖ Poliomiellitis	❖ Hilang Pertuturan	❖ Meningitis Bakteria
❖ Kanser	❖ Angioplasti Dan Rawatan Invasif Lain Bagi Penyakit Arteri Koronari	❖ Luka Terbakar Teruk	❖ Koma
❖ Penyakit Arteri Koronari	❖ Hilang Upaya Diri / Bebas	❖ Trauma Kepala Utama	❖ Radang Otak – Ensefalitis
❖ Pembedahan Aorta	❖ Sindrom Apalik	❖ Penyakit Terminal	❖ Rawatan Laser Koronari
❖ Lumpuh / Paraplegia	❖ Pemindahan Organ Utama	❖ Tumor Otak Benigna	❖ Anaemia Aplastik
❖ Sklerosis Berbilang	❖ Atherectomi Koronari	❖ Penyakit Parkinson	❖ Penyakit Arteri Koronari Yang Serious
❖ Kegagalan Buah Pinggang (Renal)	❖ Hilang Penglihatan	❖ Penyakit Paru-Paru Kronik	❖ Penyakit Paru-Paru Peringkat Akhir
❖ Hepatitis Virus Fulminan		❖ Penyakit Hati Kronik	
❖ Hipertensi Arteri Pulmonari Primer		❖ Penyakit Neuron Motor	

### Syarat-syarat Penyertaan

- Pelan ini boleh disertai oleh semua ahli NUTP.
- Umur penyertaan guru ialah dari 18 tahun sehingga 58 tahun dan boleh dilanjutkan sehingga 65 tahun.
- Semua ahli NUTP dikehendaki mengisi Borang Permohonan.
- Penyertaan juga dibuka kepada pasangan peserta iaitu suami/isteri peserta.
- Anak-anak boleh turut serta, yang berumur 15 hari hingga 23 tahun sekiranya masih menuntut sepenuh masa.
- Sijil Akaun Penyertaan akan dikeluarkan kepada ahli yang menyertai.

### Pengecualian Manfaat

Pengecualian manfaat adalah seperti yang dinyatakan di dalam kontrak induk.

### Manfaat Dan Skop Perlindungan

Pelan ini menyediakan manfaat:

- Kematian Biasa dan Kemalangan
- Keilatan Kekal Menyeluruh – Biasa Dan Kemalangan
- Keilatan Separa Kekal Akibat Kemalangan
- Perbelanjaan Pengebumian
- Elaun Harian Hospital
- Penyakit Kritikal

### Takrifan Keilatan Kekal Menyeluruh

Ianya bermaksud hilang upaya samada di sebabkan kecederaan atau penyakit yang menghalang terus ahli NUTP dari mencebur diri dalam apa-apa perniagaan, pekerjaan atau melakukan apa-apa kerja yang mendatangkan pampasan atau untung. Ianya hanya akan dianggap sebagai kekal apabila ianya berterusan tanpa terganggu selama sekurang-kurangnya enam bulan.

### \*Penting

Brosur ini hanya merupakan keterangan ringkas. Untuk mendapatkan bukti-bukti lengkap mengenai syarat dan peraturan, sila rujuk kepada kontrak anda.

### Jadual pampasan untuk kehilangan anggota badan dan keilatan yang berkekalan

Kehilangan anggota badan – pada skala berikut	Peratusan jumlah Perlindungan
Kehilangan kedua belah tangan	100%
Kehilangan kedua belah kaki	100%
Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	100%
Lumpuh yang menyebabkan terlanjur buat selamanya	100%
Lumpuh sepenuh yang berkekalan	100%
Kehilangan kedua belah mata	100%
Kehilangan penglihatan kedua belah mata sepenuhnya	100%

### SKIM PELABURAN YANG MENGGALAKKAN TABUNGAN UNTUK BEKALAN DI HARI TUA ANDA

#### NILAI PULANGAN AKAUN PESERTA (AP)

Tahun	Sumbangan Asas Tahunan*	Sumbangan Terkumpul	Baki AP* (Akhir Tahun)
1	360	360	161
5	360	1,800	872
10	360	3,600	1,933
15	360	5,400	3,224
20	360	7,200	4,794
25	360	9,000	6,705
30	360	10,800	9,029
35	360	12,600	11,857

\*Contoh Sumbangan RM30 sebulan

\*Termasuk Jumlah Keuntungan Mudharabah jika kiraan pulangan pelaburan 4%

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di alamat seperti berikut :

**Bahagian Pentadbiran & Perkhidmatan : IKHLAS JAYA ATAU KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN MALAYSIA**  
 35A, Jalan Teras Jernang 27/8, 40000 Shah Alam, Selangor 13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Ipoh, 51100 Kuala Lumpur  
 Tel: 03 5191 7360 Faks: 03 5192 4866







[illegible]

No. Kad Pengenalan :						-		-		
----------------------	--	--	--	--	--	---	--	---	--	--

Berat : \_\_\_\_\_ kg      Tinggi : \_\_\_\_\_ sm      Sumbangan Bulanan : RM \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan :						-			-			
----------------------	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--

Berat : \_\_\_\_\_kg      Tinggi : \_\_\_\_\_sm      Sumbangan Bulanan : RM \_\_\_\_\_

Diluluskan : \_\_\_\_\_